

# E-BULETIN MDA




## MAJLIS SOFT LAUNCH

15 Februari 2024

Asia's International Medical Technology Exhibition And Conference (Asia MedTech 2024)

Dan Bersempena Malaysia Menjadi Tuan Rumah Mesyuarat Tahunan Global Harmonization Working Party (GHWP)



SESI PERTEMUAN MDA BERSAMA PIHAK THE AUSTRALIAN TRADE AND INVESTMENT COMMISSION (AUSTRADE)

12 Januari 2024



BENKEL KAJIAN PEMBANGUNAN DOKUMEN PANDUAN PEMROSESAN SEMULA PERANTI PERUBATAN (REPROCESSING MEDICAL DEVICE)

13 & 14 Mac 2024



### PENGANJURAN LATIHAN GDPMD (GOOD DISTRIBUTION PRACTICE MEDICAL DEVICE (GDPMD))

30 April 2024

Latihan Good Distribution Practice Medical Device (GDPMD) oleh MDA pada tahun ini dianjurkan di Cyberview Hotel Resort and Spa telah menerima penyertaan peserta yang amat mengalakkan.

Seramai 113 orang peserta terdiri daripada wakil industri peranti perubatan dan agensi-agensi kerajaan telah terlibat menyertai program ini.

# SIDANG PENGARANG



## **PENAUNG & PENASIHAT**

YBRS. DR. MURALITHARAN PARAMASUA

Ketua Eksekutif  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)



## **KETUA EDITOR**

ENCIK AHMAD FARHAN BIN MOHD YUNUS

Ketua Unit Komunikasi Korporat  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)



## **EDITOR & PEREKA GRAFIK**

PUAN WAN NURHALIMAH BINTI WAN ABDULLAH

Pegawai Penerangan  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)



## **PENYELARAS**

ENCIK MUHAMMAD IZZUDIN BIN ABDUL JALIL

Penolong Pegawai Penerangan  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)



## **JURUGAMBAR**

ENCIK MOHAMAD NAZRIN BIN CHE MA

Penolong Pegawai Penerangan  
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

19 Februari 2024

# SESI PERBINCANGAN PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA) BERSAMA MENTERI KESIHATAN MALAYSIA



**PUTRAJAYA, 05 JANUARI 2024** – Satu Sesi perbincangan di antara Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia (YBMK), YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad telah diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Objektif perbincangan diadakan adalah bertujuan untuk memberikan pengenalan MDA kepada YBMK dan melaporkan pencapaian MDA sepanjang tahun 2023.

# SESI PERTEMUAN MDA BERSAMA THE AUSTRALIAN TRADE AND INVESTMENT COMMISSION (AUSTRADE)



**CYBERJAYA, 12 JANUARI 2024** – Sesi pertemuan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bersama *The Australian Trade and Investment Commission (AUSTRADE)* telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bakawali, MDA. Sesi yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua, Ketua Eksekutif MDA ini telah dihadiri wakil daripada AUSTRADE iaitu Puan Melanie Harris, *First Secretary, Trade & Investment Commissioner* dan Puan Pragase Komargan, *Business Development Assistant Health and Consumer*.

Objektif sesi perbincangan ini diadakan adalah untuk berkongsi peranan kedua-dua buah agensi dan membincangkan peluang kerjasama yang boleh diterokai sekali gus mampu membawa kebaikan bersama kepada Malaysia dan Australia.



# PROGRAM PEMBUDAYAAN ICT: TAKLIMAT PERALIHAN KE MYGOVUC 3.0

**CYBERJAYA**, 22 JANUARI 2024 - Satu program yang melibatkan Pegawai dan Kakitangan MDA telah dianjurkan di Pejabat MDA iaitu Program Pembudayaan ICT (Taklimat Peralihan ke MyGovUc 3.0). Taklimat ini adalah bertujuan untuk:

- Memaklumkan status terkini Perkhidmatan MyGovUC
- Memberi penerangan fungsi-fungsi sedia ada yang perlu dioptimumkan
- Memaklumkan perkara penting berkaitan peralihan ke Perkhidmatan MyGovUC 3.0; dan
- *Hands On* membuat backup emel, drive, dokumen Google (menukar pemilikan) bagi emel gunasama (bahagian/kebijakan/latihan/seminar)



# MESYUARAT MDA-INDUSTRY COLLABORATIVE COMMITTEE (MICC) BILANGAN 1/2024



**CYBERJAYA, 6 FEBRUARI 2024** – Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah menganjurkan Mesyuarat *MDA-Industry Collaborative Committee (MICC) Bilangan 1/2024*.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif MDA, Dr. Muralitharan Paramasua dan dihadiri oleh pegawai-pegawai MDA dan persatuan-persatuan yang mewakili industri peranti perubatan iaitu Association of Malaysian Medical Industries (AMMI), Malaysia Medical Device Association (MMDA), Malaysia Dental Industry Association (MDIA), Malaysian Rubber Glove Manufacturers Association (MARGMA) dan Persatuan Pengilang-Pengilang Peranti Perubatan Malaysia (PERANTIM).

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat kali ini adalah isu-isu yang berkaitan pendaftaran peranti perubatan yang merangkumi pendaftaran semula peranti perubatan, notifikasi perubahan peranti perubatan, lesen establismen, perkara yang berkaitan pengimportan dan pengeskportan peranti perubatan.

Selain itu, turut dibincangkan isu-isu yang berkaitan pembangunan industri peranti perubatan di Malaysia bagi mengembangkan industri peranti perubatan, menggalakkan peranti perubatan berinovasi seterusnya untuk membuka peluang – peluang baru dan meningkatkan daya saing di peringkat global.

Melalui mesyuarat ini juga, MDA telah memberikan pemakluman terkini berkenaan pelaksanaan kawalan permit import di pintu masuk dan pemakluman penetapan dasar bagi pendaftaran peranti perubatan Kelas A.



Penglibatan berterusan bersama-sama dengan pihak industri melalui platform MICC ini diharapkan dapat membantu MDA dalam penyampaian maklumat yang tepat berkaitan dengan pelaksanaan kawal selia peranti perubatan. Selain itu, mendapatkan maklum balas daripada pihak industri berkenaan polisi-polisi yang telah dirancang dan yang telah dilaksanakan





# ENGAGEMENT SESSION WITH SARAWAK MEDICAL DEVICE INDUSTRY PLAYERS 2024



**KUCHING, 14 FEBRUARI 2024** - MDA menawarkan peluang kepada peserta di dalam industri peranti perubatan di Negeri Sarawak untuk menyertai dalam sesi bersemuka di antara MDA dan pemain industri di negeri tersebut.

Antara kelebihan para industri yang terlibat di dalam platform strategik ini adalah kerana MDA dapat membantu menyelaras dan memahami keperluan dan isu-isu industri peranti perubatan di Sarawak dalam pembangunan peraturan, dasar dan strategi pelaksanaan dasar yang berkesan serta menyediakan nasihat dan panduan peraturan yang difokuskan untuk membantu pemain industri peranti perubatan di Sarawak supaya mereka dapat memahami dan memenuhi tanggungjawab mereka menjurus kepada pematuhan kepada Akta 737 dan juga peluang untuk mereka dapat meneroka perkembangan industri peranti perubatan di Sarawak dengan sokongan bersama daripada Kerajaan Negeri Sarawak.



# MAJLIS SOFT LAUNCH

**PUTRAJAYA, 15 FEBRUARI 2024** – MDA telah menganjurkan Satu majlis gilang-gemilang bertempat di Hotel Everly Putrajaya iaitu Majlis *Soft Launch* Asia's International Medical Technology Exhibition and Conference (Asia Medtec 2024) dan juga bersempena dengan Malaysia menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tahunan Global Harmonization Working Party (GHWP).

Pemilihan Malaysia sebagai negara tuan rumah meletakkan negara sebagai titik fokus untuk kerjasama antarabangsa dan perkongsian pengetahuan dalam sektor peranti perubatan.

Jemputan hadirin terdiri daripada Pegawai-pegawai tertinggi di Kementerian Kesihatan Malaysia, pegawai-pegawai MDA, delegasi luar negara dan pengamal media.

Perasmian majlis telah dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad.





GHWP dilihat sebagai sebuah platform yang teguh buat negara-negara yang telah menyertainya kerana usaha ini memerlukan komitmen dalam memupuk penyelarasan kawal selia peranti perubatan yang selamat dan berkesan, penyeragaman regulatori dan pengiktirafan antara negara, dan selanjutnya dapat meneruskan inisiatif kerjasama dalam menyumbang kepada kemajuan kesihatan awam sejagat.





## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI: “AMANAH: JANGAN SAMPAI PUNAH”

**CYBERJAYA, 16 FEBRUARI 2024** - Program Pengukuhan Integriti bertajuk “Amanah:Jangan Sampai Punah” telah diadakan pada Jumaat 16 Februari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Meranti, Aras 6, MDA. Tujuan program ini dilaksanakan adalah memberi pendedahan berkaitan peri pentingnya menjaga amanah dan mengukuhkan nilai-nilai integriti dalam diri setiap warga MDA.

Taklimat ini telah dihadiri daripada para pegawai daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) iaitu Pengarah Bahagian, Ketua Cawangan/Unit, dan para pegawai dan kakitangan MDA. Taklimat telah dihadiri oleh seramai hampir 85 orang pegawai dan kakitangan MDA daripada setiap Bahagian dan Unit.

Penceramah jemputan, PPK Tn Lukman bin Mohd Hosni, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. MDA turut menzahirkan penghargaan kepada beliau dengan menyampaikan cenderamata yang disampaikan oleh Pn. Salbiah bt Yaakop, Pengarah Bahagian DASAR.

Pihak MDA ingin merakamkan penghargaan kepada beliau atas kesudian memberikan taklimat disamping berkongsi ilmu dan manfaat berkaitan kepentingan menjaga amanah disamping contoh-contoh kes rasuah di KKM.



## PELAKSANAAN PENDAFTARAN PENGENALAN IDENTITI DIGITAL MALAYSIA (MyDIGITAL ID) KEPADA WARGA MDA

CYBERJAYA, 19 FEBRUARI 2024 -

Program Identiti Pengenalan Digital Malaysia (MyDigital ID)/IDN merupakan satu bentuk identiti digital yang dipercayai dan selamat serta memperkukuh dan mempermudah proses pengesahan identiti bagi menjalankan transaksi dalam talian. Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri juga telah meminta agar semua kementerian dan jabatan kerajaan untuk menyokong program ini dengan melaksanakan pendaftaran segera kakitangan yang berkhidmat di kementerian dan jabatan di peringkat persekutuan terlebih dahulu.



# LAWATAN KERJA TURKIYE MEDICAL INDUSTRY CLUSTER ASSOCIATION (OSTİM) KE PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

**CYBERJAYA 27 FEBRUARI 2024** - Turkiye Medical Industry Cluster Association (OSTİM), yang mewakili 120 syarikat dan 37 rakan kongsi dari Turki, telah membuat lawatan kerja ke ibu pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) di Cyberjaya hari ini.



Pengarah Bahagian Kawalan Pra Pasaran MDA, Puan Aidahwaty M.Olaybal, menyambut delegasi, yang dipimpin oleh Puan Münevver Koçak, Penasihat Komersial, Kedutaan Republik Turki di Kuala Lumpur.

Delegasi dari Turkiye Medical Industry Cluster Association (OSTİM) terdiri daripada Tuan Fatin Dağcinar, Pengerusi OSTİM, Kluster Koordinator OSTİM, Nilsu Erkanli, Projek Koordinator OSTİM, Nur Üstündağ, Enver Ali Kuleoğlu, Ahli Lembaga OSTİM serta 10 orang ahli OSTİM yang mewakili industri-industri peranti perubatan dari Turki.



Turut hadir adalah, Tuan Amin Fahmi, Pengerusi Malaysian International Islamic Chamber of Commerce and Industry (MIICCI).

Pada sesi lawatan ini, delegasi telah diberikan taklimat ringkas berkaitan MDA untuk mendapatkan gambaran tentang sistem regulatori peranti perubatan di Malaysia.



Delegasi MDA dan OSTIM telah berbincang dan bertukar pendapat untuk menerokai peluang bagi menjalankan kerjasama dalam penyelidikan, inovasi, dan pembangunan projek yang boleh memberi manfaat kepada perkembangan industri peranti perubatan di kedua-dua negara.



MDA menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada semua wakil atas komitmen mereka untuk memajukan kemudahan antarabangsa dalam bidang peranti perubatan.





## BENKEL KAJIAN PEMBANGUNAN DOKUMEN PANDUAN PEMROSESAN SEMULA PERANTI PERUBATAN (REPROCESSING MEDICAL DEVICE)

**CYBERJAYA, 13 & 14 MAC 2024** - Satu bengkel telah dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) iaitu Bengkel Kajian Pembangunan Dokumen Panduan Pemprosesan Semula Peranti Perubatan (Reprocessing of Medical Device) yang telah dijalankan selama 2 hari bertempat di Bilik Seminar 2, Aras G, MDA, Cyberjaya. Bengkel ini dipengerusikan oleh Pn. Salbiah Bt Yaakop selaku Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DASAR), pegawai-pegawai daripada Cawangan Pengurusan Dasar dan Kajian Teknikal seramai 7 orang dan disertai oleh 64 orang peserta yang terdiri daripada kalangan pakar perubatan kesihatan, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, penyelia jururawat, jurutera serta wakil-wakil industri peranti perubatan.

Objektif utama bengkel ini adalah bagi mendapatkan input serta pandangan pihak berkepentingan dalam pembangunan dasar dan keperluan regulatori peranti perubatan yang diproses semula di seluruh fasiliti kesihatan di Malaysia. Selain itu, kajian soal selidik berkaitan praktis yang diamalkan di fasiliti kesihatan masing-masing turut dijalankan. Bukan itu sahaja, bengkel ini turut menjadi platform untuk membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan amalan pemprosesan semula peranti perubatan kegunaan tunggal (reprocessing of single use medical device) yang dijalankan di fasiliti kesihatan masing-masing.



Susulan daripada bengkel ini, MDA akan membangunkan dasar dan dokumen panduan yang bersesuaian bagi menjaga keselamatan dan prestasi penggunaan peranti perubatan yang telah diproses semula ke atas pesakit. Hasil kajian dan soal selidik akan dibincangkan bersama pihak berkepentingan untuk merangka dasar yang bersesuaian bagi peranti perubatan kegunaan tunggal yang diproses semula.

Akhir sekali, MDA merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua peserta bengkel yang menghadiri bengkel ini.



# LAWATAN KE GUDANG SHOPEE XPRESS (SPX)



**SELANGOR**, 23 APRIL 2024 – MDA telah mengadakan satu sesi lawatan ke Shopee Express Sorting Center (DDR) bertempat di Pulau Indah, Selangor.

Seramai 25 orang pegawai dari Bahagian Pascapasaran dan Penguatkuasaan (BPP) telah menghadiri lawatan tersebut. Lawatan ini telah diketuai oleh Pn. Idamazura binti Idris@Harun.

Sepanjang lawatan tersebut, pegawai didedahkan dengan proses penerimaan, pengurusan dan pengeluaran barang-barang yang telah dibeli secara dalam talian melalui platform Shopee.

Sesi lawatan tamat pada jam 12.30 tengah hari.

# SESI PENERANGAN BERKAITAN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) DAN PROGRAM MyHIJAU

**CYBERJAYA, 23 APRIL 2024** – Berdasarkan hala tuju Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP, 2030), sektor peranti perubatan merupakan antara sektor utama yang turut diperkasakan dan perlu mencapai alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan matlamat dan matlamat kemampanan.

Selaras itu, sesi penerangan berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan Program MyHijau telah diadakan di Pejabat MDA.

Seramai 15 orang Pegawai MDA dari Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Bahagian Kawalan Pra Pasaran, dan Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Industri hadir ke sesi penerangan dan pemahaman ke atas keperluan ESG khususnya program MyHIJAU dalam membantu pertumbuhan industry peranti perubatan.

Penerangan program MyHijau ini diberikan oleh wakil Malaysiaan Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) iaitu Encik Nazmi Syahrin bin Kasmurin dan Puan Nor Aslaili binti Mahmood.



Selain daripada itu, Pihak MDA juga telah memberikan sedikit penerangan berkenaan skop kawalan dan aktiviti utama MDA kepada pihak MGTC diikuti dengan perbincangan dua hala antara kedua-dua pihak untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas bagi menggalakkan penerapan program MyHIJAU dalam kalangan industry peranti perubatan. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Puan Nashirah binti Naiimi daripada Cawangan Perancangan Strategik, DASAR, MDA.

Susulan dari sesi penerangan ini, kajian lanjut akan dijalankan bagi pembangunan dasar bagi menggalakkan program MyHIJAU dalam industry peranti perubatan.

MDA turut merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih kepada MGTC atas kerjasama dan kesudian memberikan penerangan ini





# PENGANJURAN LATIHAN GDPMD

*(Good Distribution Practice Medical Device)*

**CYBERJAYA, 30 APRIL 2024** - Latihan *Good Distribution Practice Medical Device* (GDPMD), pada tahun ini dianjurkan oleh Unit Komunikasi Korporat, MDA di Cyberview Hotel Resort and Spa.

Program ini telah menerima penyertaan peserta yang amat menggalakkan. Seramai 113 orang peserta terdiri daripada wakil industri peranti perubatan dan agensi-agensi kerajaan telah terlibat menyertai program ini.

Matlamat latihan ini adalah untuk memberikan gambaran keseluruhan dan tafsiran mengenai klausa-klausa GDPMD serta memastikan peserta memahami skop dan penggunaan GDPMD dalam memenuhi keperluan peranti perubatan.





MDA juga mensasarkan peserta untuk memahami prosedur dan dokumen sokongan yang perlu dibangunkan dalam mengejar GDPMD, kepentingan GDPMD serta memahami pelaksanaan sistem GDPMD sebagai sebahagian daripada operasi harian. Melalui latihan ini, peserta pasti akan memperoleh pemahaman dan pandangan dalam membangunkan sistem GDPMD mereka sendiri.

Latihan ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin memahami keperluan peraturan peranti perubatan, gambaran keseluruhan Amalan Pengedaran Baik untuk Peranti Perubatan GDPMD yang merangkumi organisasi dan Sistem Pematuhan Peraturan GDPMD, tanggungjawab establismen, pengurusan sumber, rantai bekalan dan spesifikasi peranti serta untuk pemantauan dan pengawasan.



# PERSIDANGAN AKHBAR BERKAITAN OPERASI PENGUATKUASAAN MDA YANG EFEKTIF


**CYBERJAYA, 24 MEI 2024** - Satu sidang akhbar telah dijalankan bagi mengumumkan kejayaan Pasukan Penguatkuasaan MDA yang telah membuat serbuan dan merampas sebanyak 143,286 kanta lekap yang tidak berdaftar.

Keseluruhan rampasan kanta lekap yang berjaya dirampas bernilai RM 700,000. ini dijual kepada orang awam dengan harga yang begitu rendah iaitu hanya RM9.00 sepasang.

Bagi melindungi orang awam daripada membeli peranti perubatan yang tidak berdaftar dengan MDA, MDA semakin hari semakin mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab menjual peranti perubatan tidak berdaftar.

Sidang akhbar tersebut telah dihadiri oleh pengamal-pengamal media daripada TV3, BERNAMA, BERNAMA TV, Berita Harian, Sinar Harian, Malaysia Gazette, The Star, TV9, TVS, RTM, Utusan Malaysia, Makkal Osai, Malaysia Tribune.

Syabas diucapkan kepada Bahagian Pemantauan dan Penguatkuasaan di atas tindakan pantas dan efisien yang telah dihasilkan dalam usaha mengekang peranti perubatan tidak berdaftar di Malaysia.





### Jual kanta lekap 'haram', syarikat dibatal lesen perniagaan diserbu lagi

FMT Reporters - 24 May 2024, 12:06 PM

Sebanyak 150,000 kanta lekap pelbagai jenama tidak berdaftar dirampas dalam serbuan kedua pada 20 Mei lalu, juga rampasan terbesar dianggarkan RM700,000.

1 SHARES

f 0 X 1 0 0

Total Views: 20



**BH ONLINE**

NASIONAL

### Tak serik, ulang kesalahan sama jual kanta lekap tak berdaftar

Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my  
May 24, 2024 @ 11:19am

**Sinar Harian**

### 'Kantoi' jual kanta lekap 'haram'

Muralitharan (tengah) menunjukkan kanta lekap tidak berdaftar yang dirampas MDA daripada sebuah syarikat menerusi serbuan pada 20 Mei lalu. Foto: HISYAMUDDIN AYUB

**MalaysiaGazette**  
SPIROUT YOUR MIND

Home > Utama > MDA rampas 143,286 kanta lekap, jenama tak berdaftar

### MDA rampas 143,286 kanta lekap, jenama tak berdaftar

Oleh Kumara Sabapathy - 24 May 2024

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Dr Muralitharan Paramasua (tengah) menunjukkan merampas kanta lekap yang tidak berdaftar anggaran RM700,000 ribu di Prima 9, Cyberjaya. Foto SYADILA AMARI, 24 MEI 2024.

**Malaysia Tribune**

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) merampas kanta lekap tidak berdaftar.

Home / Berita Semasa

Berita Semasa

### Kanta lekap haram diimport dari Korea bernilai RM700,000 dirampas

**Utusan Malaysia**

LOG MASUK LANGGAN

### Jual serendah RM9, premis jual kanta lekap tidak sah diserbu semula

Syabas dan Tahniah!

# PAMERAN KESEDARAN PERANTI PERUBATAN

**ALOR SETAR, 24 MEI 2024** - MDA melalui Unit Komunikasi Korporat telah menjalankan pameran kesedaran tentang peranti perubatan di sebuah pusat membeli belah di kawasan Alor Setar, Kedah iaitu di Aman Central Mall.

Pameran peranti perubatan yang dibuka di pusat beli belah dapat membantu Pegawai-Pegawai MDA untuk mendekati dan memberikan pemahaman serta kesedaran kepada orang awam berkaitan membeli peranti perubatan yang berdaftar dengan MDA dan sekaligus memberikan mereka informasi berkaitan peranan MDA.





# MDA DI MINNAL FM

**KUALA LUMPUR, 30 MEI 2024** - MDA diwakili oleh YBrs. Dr. Muralitharan Paramasua telah ditemubual secara langsung menerusi slot wawancara di Stesyen Radio Tamil, Minnal.FM di RTM.

Temubual yang berlangsung selama setengah jam itu mengupaskan isu mengenai kesedaran Kit Ujian Kendiri HIV yang mula dipasarkan di pasaran Malaysia pada tahun lepas.

Dalam sesi temuramah tersebut YBrs. Dr. Muralitharan menyampaikan informasi berkaitan cara penggunaan kit ujian HIV yang betul dan tepat kepada pengguna, cara pembelian kit ujian HIV, Prosedur yang digunakan oleh MDA bagi meluluskan kit ujian di pasaran dan faktor-faktor yang diambil kira sebelum MDA meluluskan kit ujian HIV.

Penyampaian di radio merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh MDA untuk menyebarkan informasi berkaitan peranti perubatan kepada orang awam.





## SESI LIBAT URUS BERSAMA JURUTEKNIK PERANTI PERUBATAN INSTITUSI KESIHATAN BUKAN DI BAWAH KKM BERKAITAN PROGRAM KAWALAN KE ATAS BIOMEDICAL TECHNICAL PERSONNEL (BTP)

**CYBERJAYA, 5 JUN 2024** - Pihak Berkuasa Perubatan (MDA) telah mengadakan satu sesi libat urus bersama juruteknik peranti perubatan institusi kesihatan yang bukan di bawah seliaan KKM.

Sesi ini telah dihadiri seramai 40 orang wakil teknikal yang terdiri daripada institusi kesihatan swasta, pembuat peranti perubatan, vendor peranti perubatan dan hospital universiti.

Sesi ini merupakan satu platform bagi membincangkan perkara-perkara yang melibatkan penyelenggaraan peranti perubatan berdasarkan Akta 737 (Seksyen 43) dan hasil perbincangan ini dapat membantu Pihak MDA dalam pembangunan program kawalan ke atas Biomedical Technical Personnel (BTP).

